



Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Agensi-Agensi Kerajaan Negeri,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

**PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP7.3
DENGAN UBAH SUAIAAN BAGI PELAKSANAAN BAYARAN ELAUN
DAN KEMUDAHAN KEPADA AHLI SEKTOR SWASTA YANG
MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN
OLEH KEMENTERIAN/JABATAN DI PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Jabatan, Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor mengenai pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP7.3 dengan ubah suaian bagi pelaksanaan bayaran elaun dan kemudahan kepada ahli sektor swasta yang menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-30/2022 bertarikh 9 November 2022 dan disahkan oleh MMKN Ke-31/2022 bertarikh 16 November 2022 telah bersetuju untuk **mengguna pakai dengan ubah suaian** “Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP7.3 bagi Pelaksanaan Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan” di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

2.2 Ia bagi memastikan perjalanan mesyuarat sesuatu Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) adalah berlandaskan tadbir urus yang baik dan tata kelola Kerajaan Negeri mengikut dasar serta peraturan yang berkuat kuasa. Intervensi ini juga merupakan salah satu inisiatif mengurangkan ketirisan selaras dengan dasar perbelanjaan berhemat Kerajaan Negeri Selangor.

3. **WP 7.3 - BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN KEPADA AHLI SEKTOR SWASTA YANG MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN**

3.1 Pada masa ini, peraturan kewangan sedia ada di peringkat Kerajaan Persekutuan menetapkan bahawa kadar dan bayaran elaun bagi ahli penasihat yang dilantik daripada **sektor awam** hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4: Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Perkhidmatan Awam kerana Menjalankan

Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis) (berkuatkuasa 1 Januari 2022), manakala ahli penasihat yang dilantik daripada **sektor swasta** perlu mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.3: Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan.

3.2 Dengan demikian, bayaran elaun dan kemudahan menghadiri Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

a) Bagi ahli Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang dilantik dari sektor awam perlu mematuhi 1PP WP1.4; dan

b) Bagi ahli Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang dilantik dari sektor swasta perlu mematuhi 1PP WP7.3 dengan ubah suaian.

3.3 Justeru, cadangan pemakaian 1PP WP7.3 dengan ubah suaian hanya melibatkan kadar elaun kehadiran mesyuarat (peringkat jawatankuasa) serta peluasan kepada tafsiran sektor swasta bagi tujuan pemakaian di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor seperti di **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1:

WP 7.3 Dengan Ubah Suaian bagi Pelaksanaan Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Kementerian/ Jabatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

PERKARA	PENJAWAT AWAM	SEKTOR SWASTA
Tafsiran Keanggotaan di Negeri Selangor	Pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam oleh Suruhanjaya secara tetap, sementara atau kontrak termasuklah pelantikan kali pertama dan pelantikan seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana skim Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri.	Tafsiran sektor swasta sama seperti WP7.3 dan turut diperluaskan kepada pegawai badan awam (tafsiran Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, [Akta 694]) yang terdiri daripada ahli akademik, serta pegawai awam yang pakar dalam bidang masing-masing dan pernah terlibat dalam rundingan di peringkat kebangsaan / antarabangsa.
Kadar Bayaran Elaun	Elaun, Kemudahan dan Bayaran bagi penjawat awam yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabatnya di dalam Negeri adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat selaras 1PP WP 1.4 : Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Perkhidmatan Awam kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis).	Kadar Elaun Menghadiri Mesyuarat bagi Majlis/Jawatankuasa (<i>think tank</i>) yang disyorkan untuk diguna pakai di Negeri Selangor adalah RM300 sekali mesyuarat.

4. TERMA RUJUKAN (TOR) MAJLIS/ JAWATANKUASA

4.1 Terma Rujukan (TOR) merupakan arahan secara pentadbiran agar pelaksanaan Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) dibuat berlandaskan tadbir urus yang baik.

4.2 Sehubungan itu, setiap Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang ditubuhkan **adalah dimestikan** untuk menyediakan TOR Majlis/Jawatankuasa mengikut kesesuaian skop dan tujuan penubuhan yang meliputi perkara-perkara berikut:

BIL	PERKARA	PENERANGAN
a.	Pendahuluan (Latar Belakang/ Punca Kuasa Penubuhan)	Menerangkan mengenai punca kuasa dan tujuan penubuhan Majlis/Jawatankuasa (<i>think tank</i>)
b.	Keahlian	Penasihat (sekiranya ada, perlu dijelaskan peranannya) <u>Pengerusi Tetap</u> Tokoh terkemuka yang mempunyai pengalaman luas mengenai urus tadbir kerajaan serta sektor atau bidang yang diperlukan. <u>Ahli Tetap*</u> Terdiri daripada ahli akademik, golongan profesional, ahli ekonomi, pakar dalam bidang (<i>subject matter expert</i>), bekas pegawai kanan kerajaan, pegawai awam yang pakar dalam bidang masing-masing.
c.	Keanggotaan dan Tempoh Pelantikan	Menerangkan mengenai bilangan keahlian dan tempoh pelantikan ahli Majlis/Jawatankuasa tersebut.
d.	Bidang Kuasa Jawatankuasa	Menerangkan mengenai bidang kuasa Majlis/Jawatankuasa (<i>think tank</i>) sebagai penasihat yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan dan bukan badan untuk membuat keputusan.

BIL	PERKARA	PENERANGAN
e.	Skop dan Bidang Tugas	Menerangkan mengenai skop dan bidang tugas Majlis/Jawatankuasa (<i>think tank</i>).
f.	Proses dan Prosedur Berkaitan dengan Pelaksanaan Majlis	Menerangkan mengenai tempoh pelaksanaan, perjalanan mesyuarat, fungsi urus setia, kadar dan syarat bayaran elaun kehadiran mesyuarat.* Kekerapan mesyuarat maksimum yang layak dibayar elaun kehadiran mesyuarat ialah empat (4) kali setahun.
g.	<i>Deliverables</i>	Menerangkan mengenai <i>outcome</i> iaitu: (i) kaedah pengukuran bagi setiap skop dan bidang tugas; (ii) penilaian ke atas <i>outcome</i> ; dan (iii) laporan penilaian <i>outcome</i> yang akan dibuat dalam tempoh tertentu dibentangkan kepada MMKN.

**Tidak terhad kepada senarai yang dinyatakan sahaja.*

5. SUMBER KEWANGAN

5.1 Bagi Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang ditubuhkan oleh STANDCO, bayaran bagi Elaun dan Kemudahan Menghadiri Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) ini adalah **menggunakan peruntukan Mengurus STANDCO sedia ada** yang telah disediakan menerusi Vot B01 di bawah STANDCO masing-masing.

5.2 Manakala bagi Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang ditubuhkan oleh Jabatan/Agensi (selain STANDCO), hendaklah **menggunakan peruntukan mengurus sedia ada** tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan. Justeru, Ketua Jabatan/Agensi perlu membuat perancangan yang teliti berdasarkan keupayaan kewangan jabatan/agensi sekiranya

terdapat keperluan mewujudkan Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) dan pembayaran elaun kehadiran mesyuarat.

5.3 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu merancang sewajarnya jika ingin melaksanakan bayaran elaun tersebut dan bertanggungjawab untuk memastikan:

5.3.1 Pembayaran dilakukan berdasarkan kadar dan syarat yang telah ditetapkan;

5.3.2 Kekerapan dan tempoh masa mesyuarat hendaklah diadakan mengikut keperluan; dan

5.3.3 Apa-apa bayaran yang dibuat berdasarkan keputusan terdahulu yang tidak selaras dengan pekeliling ini hendaklah dihentikan.

6. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6.1 Arahan ini berkuat kuasa **serta merta** dan terpakai untuk semua Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang diluluskan MMKN dan **keputusan terdahulu adalah dibatalkan seperti di Lampiran A.**


6.2 Bagi Majlis/Jawatankuasa (*think thank*) yang baharu/akan diwujudkan, perlu menyediakan kertas ringkasan untuk pertimbangan dan kelulusan MMKN yang merangkumi kadar seperti yang diluluskan seperti di perenggan 3.2 SPP ini serta TOR yang lengkap seperti dinyatakan di perenggan 4 SPP ini.

6.3 Pemakaian pekeliling ini turut **dipanjangkan** kepada Majlis/Jawatankuasa (*think tank*) yang ditubuhkan oleh **Badan Berkanun/Anak Syarikat Kerajaan Negeri** yang **menerima geran mengurus** tahunan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **22** Disember 2022

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)

SENARAI JAWATANKUASA MAJLIS YANG DITUBUHKAN DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP

BIL.	JAWATANKUASA/MAJLIS	BILANGAN KEANGGOTAAN	KADAR ELAUN MESYUARAT (JIKA ADA)	PUNCA KUASA PENUBUHAN DAN ELAUN	KEKERAPAN MESYUARAT
1.	MAJLIS TINDAKAN ORANG KURANG UPAYA SELANGOR (MTOS)	15 ORANG	PENGERUSI: RM500 AHLI: RM300	MESYUARAT MMKN KE 5/2019 YANG DIADAKAN PADA 20 FEBRUARI 2019 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 6/2019 PADA 27 FEBRUARI 2019	4 KALI SETAHUN
2.	MAJLIS PERPADUAN DAN INTEGRASI NEGERI SELANGOR (MPIS)	19 ORANG	PENGERUSI: RM300 AHLI: RM300	MESYUARAT MMKN KE 14/2021 YANG DIADAKAN PADA 14 APRIL 2021 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 15/2021 PADA 21 APRIL 2021	4 KALI SETAHUN
3.	JAWATANKUASA PETUGAS KHAS (TASK FORCE) COVID-19 DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR	27 ORANG	AHLI: RM500	MESYUARAT MMKN BERTARIKH 6 MEI 2020, KERTAS MESYUARAT MTES NO. 5/8/2020 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 18/2020 PADA 13 MEI 2020	MENGIKUT KEPERLUAN

SENARAI JAWATANKUASA MAJLIS YANG DITUBUHKAN DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP

BIL.	JAWATANKUASA/ MAJLIS	BILANGAN KEANGGOTAAN	KADAR ELAUN MESYUARAT (JIKA ADA)	PUNCA KUASA PENUBUHAN DAN ELAUN	KEKERAPAN MESYUARAT
4.	MAJLIS PENASIHAT KESIHATAN AWAM SELANGOR (SELPHAC)	16 ORANG	PENGERUSI: RM700 AHLI: RM500	MESYUARAT MMKN KE 9/2022 YANG DIADAKAN PADA 6 APRIL 2022 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 10/2022 PADA 13 APRIL 2022	4 KALI SETAHUN
5.	MAJLIS TINDAKAN PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR (IKLIM SELANGOR)	16 ORANG	PENGERUSI: RM1,000 AHLI: RM500	MESYUARAT MMKN KE 13/2022 YANG DIADAKAN PADA 18 MEI 2022 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 14/2022 PADA 8 JUN 2022	1 KALI SETAHUN
6.	MAJLIS HALAL NEGERI SELANGOR	20 ORANG	PENGERUSI: RM1,000.00 AHLI : RM500.00	MESYUARAT MMKN KE 23/2022 YANG DIADAKAN PADA 21 SEPTEMBER 2022 DAN TELAH DISAHKAN OLEH MMKN KE 24/2022 PADA 29 SEPTEMBER 2022	SEKURANG- KURANGNYA 2 KALI SETAHUN